

Farah bersilat di majlis perkahwinan sebelum jadi atlet kebangsaan

Oleh AMINNUDIN
LOKMAN HAKIM
aminnudin.hakim@mediamulia.com.my

MERAIH pingat emas di temasya Sukan SEA 2023 di Kemboja menjadi kenangan yang tidak akan pernah dilupakan oleh Nor Farah Mazlan sepanjang menjadi pesilat negara.

Merangkul pingat emas pastinya menjadi kebanggaan, namun disebalik kejayaan itu Farah perlu berkorban kerana dia beraksi di pentas final dengan keadaan tangan patah.

Atlet berusia 28 tahun itu mengakui detik berkenaan menjadi paling bermakna dalam kariernya kerana dia patah tiga tulang metakarpal di tangan ketika perlawanan separuh akhir lagi.

Kecederaan tersebut hampir mematahkan semangatnya apabila melihat peluang meraih emas seakan-akan musnah. Namun dengan semangat juang tinggi dia tetap beraksi di final.

"Memang saya berasa sangat kecewa ketika itu kerana kecederaan agak serius. Pada awalnya saya sedih sebab nampak peluang untuk menang emas mungkin hilang.

"Bagaimanapun, selepas berbincang dengan jurulatih negeri saya, Emy Latif, beliau banyak memberi semangat untuk saya teruskan perjuangan," katanya kepada *Mingguan Malaysia*.

Tambah Farah, dengan keazaman tinggi, beliau mengambil ubat tahan sakit dan membalut tangannya sebelum turun beraksi dalam perlawanan akhir.

"Alhamdulillah, perlawanan berjalan lancar dan saya berjaya menang emas. Saat itu sangat mengharukan apabila melihat rakan sepasukan, jurulatih serta Presiden Pesaka, Datuk Megat Zulkarnain Omdin turut tersentuh dengan kejayaan tersebut," ujarnya.

Minat Farah terhadap seni bela diri warisan negara itu bermula seawal usia tujuh tahun apabila mengikuti jejak langkah bapanya yang aktif dalam sukan silat.

Sebagai anak ketiga daripada tujuh beradik, Farah mengakui sokongan keluarga terutama bapanya menjadi pendorong utama untuk terus serius dalam bidang



CERITAKU

NOR FARAH MAZLAN

UMUR: 28 tahun

ASAL: Kota Belud, Sabah

TARIKH LAHIR: 1 Jun 1998

PENDIDIKAN: Sarjana Muda Pengajian Bahasa Perancis dengan kepujian Universiti Putra Malaysia (UPM)

PENCAPAIAN:

- Juara Dunia 2022, 2024.
- Emas Sukan SEA 2023.
- Atlet Terbaik Sabah 2021/2022
- Pesilat Wanita Terbaik Dunia 2022

berkenaan.

"Sejak kecil saya belajar silat daripada ayah dan ahli keluarga. Dulu saya kerap membuat persembahan di majlis perkahwinan, sambutan tetamu kehormat, Hari Kebangsaan dan pelbagai acara lain.

"Apabila ayah nampak minat saya semakin mendalam, beliau

memberi sokongan penuh untuk saya teruskan," katanya.

Menurutnya, cabaran terbesar sebagai atlet kebangsaan ialah mengekalkan prestasi memandangkan setiap tahun muncul pesaing baharu yang lebih muda dan agresif.

"Dalam sukan ini kita tidak boleh berpuas hati dengan pencapaian lalu. Saya sentiasa berusaha memperbaiki diri untuk menjadi yang terbaik" katanya.

Farah turut menyifatkan jurulatihnya, Emy sebagai individu penting yang banyak membentuk perjalanan kariernya sehingga



NOR Farah bersama bapanya, Mazlan Maznee yang juga seorang guru silat.

berjaya menempatkan diri dalam skuad kebangsaan.

"Saya amat menghargai cara beliau melatih dan keperibadiannya yang disenangi ramai. Beliau antara individu yang banyak membentuk saya dalam sukan silat," katanya.

Mengulas prestasi di Sukan SEA Thailand baru-baru ini, Farah menganggap ia sebagai pengajaran besar dalam kariernya apabila terpaksa beraksi dalam kategori baharu dan gagal meraih sebarang pingat.

Namun, beliau percaya kegagalan itu menjadi titik kebangkitan untuk terus memperbaiki prestasi.

"Saya anggap ia sebagai proses pembelajaran. Saya yakin dengan latihan dan komitmen yang diberikan, hasilnya pasti akan menyusul. Sebagai atlet, saya hanya melakukan yang terbaik," katanya.



NOR Farah Mazlan mengibarkan bendera Malaysia selepas merangkul emas di Sukan SEA Kemboja 2023.

BIARPUN bertubuh kecil Nor Farah Mazlan tetap mampu memberi saingan sengit kepada mana-mana lawannya di pentas antarabangsa.